RINGKASAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis ringkasan tentang **simptom keradangan tonsil**. *Panjang ringkasan anda hendaklah* **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Masalah keradangan tonsil ialah masalah kesihatan yang agak lazim di negara kita dan di mana-mana. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kes perubatan ini dilaporkan. Walau bagaimanapun, kes perubatan ini tidaklah serius dan menular. Yang pasti, kita harus mengenal pasti simptom keradangan tonsil agar langkah kawalan dan rawatan dapat diambil.

Yang utama, doktor akan mendapati tonsil pesakit kemerah-merahan dan bengkak. Pada awal diagnosis, pesakit akan menunjukkan simptom seperti sakit tekak dan sukar untuk menelan makanan. Hal ini berlaku demikian kerana tahap imunisasi seseorang rendah. Oleh sebab itu, seseorang itu mudah demam dan menunjukkan simptom keradangan tonsil dengan sakit di bahagian tekak dan tengkuk bengkak sedikit. Selain itu, seseorang yang keradangan tonsil juga biasanya terdedah kepada bakteria yang terdapat di udara sehingga mudah menghidap penyakit keradangan tonsil.

Masalah tonsil bukanlah disebabkan oleh masalah genetik atau masalah pemakanan yang tidak seimbang. Simptom yang seterusnya ialah seseorang akan mengalami masalah nafas berbau dan suara yang garau. Oleh sebab itu, masalah penyakit ini tidak perlu ada pantang larang dari segi makanan. Ada juga yang disalah rawat sebagai penyakit beguk. Yang paling penting, seseorang perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat agar dapat mengatasi masalah keradangan tonsil.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Halaman 2, Buku Teks Tingkatan 2, KSSM, Dewan Bahasa dan Pustaka)

JAWABAN